

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS SAMBUTAN KETIBAAN MH8325 (KETIBAAN PULANG KUMPULAN TERAKHIR JEMAAH HAJI KE TANAH AIR)

OLEH

YB DATO' SERI PANGLIMA ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM
PENGERUSI TH

5 OKTOBER 2017

OPERASI HAJI 1438H

- a. YB Dato' Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH** telah menyempurnakan majlis menyambut ketibaan penerbangan jemaah haji terakhir dari Tanah Suci.
- b. Turut hadir pada majlis tersebut ialah ialah YBhg. Dato' Badlisyah Abdul Ghani, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif **TH** disertai barisan Pengurusan Kanan **TH**.
- c. Seramai **268 orang** Jemaah Haji **melalui pesawat MH8325** telah selamat tiba di KLIA pada **5 Oktober 2017** pada pukul **1:00 tengah hari**. Ini adalah ketibaan penerbangan pulang kumpulan terakhir Jemaah Haji Malaysia ke Tanah Air.
- d. Kumpulan jemaah haji ini telah **berlepas dari Jeddah** pada **Rabu 4 Oktober 2017** pukul **10.25 malam (waktu Arab Saudi)**.

- e. Sebanyak **119 penerbangan** terlibat bagi Fasa 2 untuk penerbangan balik.
- f. Operasi haji tahun ini secara keseluruhannya berjalan lancar tanpa sebarang insiden besar yang tidak diingini dan Jemaah Haji Malaysia dapat menyelesaikan ibadat haji mereka dengan sempurna tanpa sebarang masalah besar.
- g. Ucapan terima kasih kepada **Kerajaan Arab Saudi** terutama **Kementerian Haji Arab Saudi, Muassasah Asia Tenggara** serta **Kedutaan Besar DiRaja Arab Saudi di Malaysia** yang telah membantu Tabung Haji dalam menjayakan operasi haji pada tahun ini.
- h. Syabas diucapkan kepada Kerajaan Arab Saudi atas **kejayaan menguruskan jutaan jemaah haji pada tahun ini** dengan baik di samping **usaha-usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan** demi keselesaan dan keselamatan para jemaah haji.
- i. Pada musim ini, jumlah jemaah haji negara yang meninggal dunia adalah **seramai 69 orang (sehingga 5 Oktober 2017)**.

Perkara	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Sebelum Wukuf	13	7	20
Semasa hari Wukuf dan Tasyrik	7	3	10
Selepas Wukuf	21	18	39
Jumlah	41	28	69

- j. Semua jenazah jemaah haji yang meninggal dunia di Tanah Suci telah diuruskan dengan baik dan dikebumikan di sana.
- k. **TH** juga telah melaksanakan Badal haji untuk jemaah haji yang meninggal dunia sebelum wukuf.

- l. Pihak Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan **TH** juga telah menziarah kesemua waris-waris jemaah haji tersebut bagi memberi sokongan moral dan menyerahkan sedikit sumbangan dari **TH**.
- m. Sehingga hari ini **seramai 5 orang** jemaah haji negara **masih dirawat di Hospital Arab Saudi di Tanah Suci**.

SURAT TAWARAN HAJI 1439H

- a. **Surat tawaran** untuk menunai haji bagi tahun hadapan (**Musim Haji 1439H/2018M**) akan dikeluarkan bermula **Awal November 2017**, secara berperingkat-peringkat.
- b. Para pendeposit / para bakal jemaah **dinasihatkan untuk mengemaskini maklumat masing-masing** (seperti alamat, nombor telefon, maklumat waris dan sebagainya) dengan **mengunjungi cawangan-cawangan TH berdekatan** mereka. **TH** mempunyai **125 cawangan** di seluruh Malaysia.

USAHA PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

- a. **TH sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik** kepada semua Jemaah Haji Malaysia setiap tahun. Kesemua sudut operasi akan dinilai dengan terperinci dan sekiranya terdapat kelemahan, ia akan diperbaiki. **TH** juga akan mengenalpasti peluang bagi penambahbaikan di masa hadapan.
- b. Borang kaji selidik telah diedarkan kepada para jemaah haji sebelum mereka pulang ke Tanah Air. Daripada maklumbalas ini, pihak **TH** akan menentukan tahap kepuasan jemaah haji atas perkhidmatan yang telah diberikan.

- c. Sehubungan dengan itu, pihak **TH** akan mengadakan **sesi pascanilai haji (post-mortem) seawal bulan November 2017**, bagi meneliti maklumbalas yang diterima dari semua sudut operasi dan akan memperbaiki setiap kelemahan demi menyantuni Tetamu Allah pada masa akan datang.
- d. **TH** dalam proses mendapatkan pensijilan ISO versi baru oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. iaitu ISO 9001:2015 : Pengurusan & Operasi Perkhidmatan Haji di Malaysia & Arab Saudi. Pensijilan ini membuktikan pengurusan haji oleh Tabung Haji adalah bertaraf antarabangsa dan membanggakan.
- e. **TH** juga akan menganjurkan Muzakarah Haji selewat-lewatnya bulan Disember bagi membincangkan isu-isu berkaitan hukum-hakam ibadat haji dan mencadangkan resolusi bersesuaian sebagai rujukan pada musim haji akan datang sekiranya perlu.
- f. Mesyuarat bersama Kementerian Haji Arab Saudi juga akan diadakan pada **Januari 2018** bagi bertukar pandangan dan membincangkan langkah-langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan pada musim haji akan datang.
- g. **TH** juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Jemaah Haji Malaysia yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dan amat berdisiplin sepanjang berada di Tanah Suci.

- h. Terima kasih juga atas sokongan **Kerajaan Malaysia dan Kerajaan-Kerajaan Negeri** serta agensi-agensi berkaitan antaranya **Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Malaysia Airlines, Saudia Airlines, Malaysia Airports, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat**, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta **Majlis Agama Islam Negeri-negeri** dan sebagainya, yang telah banyak membantu memudah dan melancarkan operasi haji di Tanah Air dan Tanah Suci pada musim haji kali ini.

###Tamat###

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 125 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.